



## SIARAN AKHBAR

### INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI OKTOBER 2024

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Oktober 2024. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi, di kesemua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan** adalah 50.3 bagi Oktober 2024. Ini menunjukkan bahawa, secara amnya, keadaan perniagaan dijangka akan bertambah baik pada Oktober 2024 berbanding September 2024. Walaupun pendapat yang berbeza direkodkan antara sektor-sektor, para peniaga secara amnya menjangka penambahbaikan yang berterusan pada Oktober 2024, dengan peningkatan dalam tahap pengeluaran, jualan, dan jumlah projek. Ini didukung oleh jangkaan perbelanjaan dalam negeri yang akan meningkat semasa musim peperiksaan sekolah. Seterusnya, dengan acara-acara seperti Pesta Pelancongan Sabre Brunei, Ekspo BINA Brunei, dan bulan Oktober yang lebih panjang berbanding bulan September. Walaubagaimanapun, beberapa perniagaan menjangka prestasi yang lebih rendah disebabkan keadaan cuaca buruk, tahap permintaan yang rendah, dan penangguhan dalam projek dan pembayaran. Indeks bagi satu bulan ke hadapan berada pada tahap 50.1, menunjukkan tahap keyakinan yang berterusan dengan jangkaan bahawa jumlah tahap pengeluaran, projek, dan jualan akan terus meningkat menjelang akhir tahun seiring dengan usaha-usaha promosi.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.0 bagi Oktober 2024, 50.0 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.1 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa perniagaan menjangkakan tiada perubahan pada tahap pelaburan mereka pada Oktober dan November 2024, mengambilkira bahan-bahan, peralatan dan infrastruktur yang sedia ada adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan semasa. Para peniaga juga lebih positif bagi tiga bulan akan datang, dengan jangkaan bahawa tahap permintaan dan aktiviti akan meningkat pada Januari 2025, khususnya dengan adanya acara-acara perayaan seperti Tahun Baru Cina, Ramadhan, dan Hari Raya Aidilfitri, serta projek-projek baharu bagi beberapa perniagaan berikutan peruntukan belanjawan sempena tahun baru.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.2 bagi Oktober 2024 dan bagi satu bulan ke hadapan. Meneruskan tren positif seperti bulan-bulan sebelumnya, para peniaga menjangka akan meningkatkan pengambilan tenaga kerja baharu secara sepenuh masa dan sambilan. Tren pengambilan pekerja ini mencerminkan tahap permintaan yang berterusan bukan sahaja untuk mengganti pekerja yang telah atau akan berhenti, tetapi juga untuk memenuhi keperluan operasi dan projek semasa dan akan datang.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 49.9 bagi Oktober 2024 dan bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, perniagaan menjangkakan kos operasi yang lebih rendah pada Oktober berbanding dengan September. Ini didorong oleh faktor-faktor seperti pengurangan kos gaji disebabkan oleh penurunan jumlah pekerja di sebahagian perniagaan, tahap perbelanjaan yang lebih rendah untuk penyelenggaraan dan pembaikan, pengurangan perbelanjaan untuk bahan mentah, dan perbelanjaan yang berhemah bagi tujuan pengecilan saiz operasi beberapa syarikat besar.

BSI Oktober 2024	
<b>Keadaan Perniagaan</b>	<b>50.3</b>
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan	50.0
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.1
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Kos Perniagaan	<b>49.9</b>
Kos Satu Bulan ke Hadapan	<b>49.9</b>

8. Dari segi **sektor ekonomi**, empat daripada 11 sektor menjangka keadaan perniagaan yang optimistik pada Oktober 2024. Sektor Pengangkutan & Komunikasi menunjukkan sentimen tertinggi dengan indeks 50.7 dengan jangkaan peningkatan jualan dari ekspo pelancongan pada awal Oktober, penghantaran melalui laut yang lebih tinggi bagi beberapa syarikat, dan penambahan jumlah tender projek bagi sebilangan perniagaan. Sektor kedua paling optimistik adalah sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan, dengan jangkaan keadaan pasaran yang lebih baik dan peningkatan tahap pengeluaran dengan penubuhan kemudahan-kemudahan industri yang baharu. Seterusnya, peningkatan sentimen sektor Kewangan & Insurans dan Hotel & Restoran didorong oleh jangkaan tahap jualan, aktiviti, promosi, dan acara yang lebih banyak, serta keadaan cuaca yang lebih baik yang dijangka akan menyumbang kepada pendapatan yang lebih tinggi pada bulan tersebut. Sebaliknya, sektor Perdagangan Borong & Runcit dan Pembinaan melaporkan sentimen yang pesimistik pada Oktober 2024, dengan jangkaan bahawa tahap

permintaan dan perbelanjaan akan bekurangan, pengurangan dalam jumlah projek, di samping isu lain seperti kelewatan dalam pembayaran. Sementara itu, sektor Kesihatan & Pendidikan, Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Penternakan, Perkhidmatan Persendirian Lain, Harta Tanah & Pemilikan Kediaman, dan Sektor Pembuatan menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama seperti September 2024.

Keadaan Perniagaan Oktober 2024 Mengikut Sektor	
Pengangkutan & Komunikasi	50.7
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.4
Kewangan & Insurans	50.3
Hotel & Restoran	50.3
Kesihatan & Pendidikan	50.0
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.0
Perkhidmatan Lain	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Pembuatan	50.0
Perdagangan Borong & Runcit	49.9
Pembinaan	49.8

9. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, hanya perniagaan bersaiz besar menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih baik pada Oktober 2024 berbanding bulan sebelumnya, dengan jangkaan peningkatan dalam tahap jualan disebabkan aktiviti promosi dan pemasaran, pelancaran produk baru, dan tahap pengeluaran yang lebih tinggi dengan penubuhan kemudahan industri yang baru. Sebaliknya, perniagaan bersaiz kecil berpandangan pesimistik dengan jangkaan pengurangan dalam jumlah pesanan, jualan, dan projek, penangguhan pembayaran, serta proses pengambilan pekerja yang perlahan. Sementara itu, perniagaan bersaiz mikro dan sederhana menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan September 2024.

Keadaan Perniagaan Oktober 2024 Mengikut Saiz	
Mikro	50.0
Kecil	49.5
Sederhana	50.0
Besar	50.3

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di [www.bdc.gov.bn](http://www.bdc.gov.bn). Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


### Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 24 Jamadilawal 1446H / 26 November 2024M

Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan



**Nota:** Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



**Nota:** Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.

### Pengambilan Pekerja



**Nota:** Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


### Kos



**Nota:** Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

### BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Oktober 2024



**Nota:** Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

### Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



**Nota:** Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.